



SIARAN AKHBAR

600,000 RAKYAT MALAYSIA TOLAK GEG

Persatuan vape menggesa Kerajaan untuk mendengar suara orang ramai dan industry

KUALA LUMPUR, 26 SEPTEMBER 2022 – Dua badan industri vape hari ini menggesa Kerajaan untuk mendengar suara industri untuk mengkaji semula GEG dan menunjukkan petisyen awam mengenai [Malaysia Bersuara](#) juga telah memperoleh lebih 600,000 tandatangan membantah permainan akhir generasi (GEG).

Dua badan industri itu, **Dewan Perniagaan Vape Malaysia (DPVM)** dan **Malaysian Vape Industry Advocacy (MVIA)**, secara konsisten menyeru agar GEG dikaji semula dengan teliti kerana ia akan membawa impak yang besar kepada industri.

Ridhwan Rosli, Setiausaha Agung Dewan Perniagaan Vape Malaysia (DPVM) berkata, “Sejak GEG pertama kali dicadangkan awal tahun ini, ramai pemain industri vape, telah berkongsi kebimbangannya kerana dasar ini akan memberi kesan yang signifikan terhadap industri kami. Selain menjelaskan usahawan Bumiputera, GEG menetapkan pendirian yang sangat salah dan negatif terhadap vape yang selama ini telah digunakan secara meluas sebagai alat untuk berhenti merokok oleh perokok.”

“Petisyen ini telah berjaya mendapat sokongan dengan memperolehi 600,000 tandatangan membuktikan ramai masyarakat Malaysia juga berkongsi sentimen yang sama seperti kita. Kerajaan dan Kementerian Kesihatan (KKM) tidak boleh mengabaikan suara orang ramai.”

Pandangan ini turut disuarakan oleh MVIA. Persatuan itu menambah, mereka telah cuba untuk melibatkan diri dengan KKM dan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (PSSC), tetapi tidak berjaya.

Rizani Zakaria, Presiden Malaysian Vape Industry Advocacy (MVIA) berkata, “Kami juga telah meminta untuk bertemu dengan PSSC dan permintaan kami tidak diendahkan. Penyerahan surat kami kepada Menteri KKM dan ahli PSSC juga tidak didengari walaupun telah banyak rayuan kami lakukan.”

Kini,dengan maklum balas yang diterima petisyen itu, suara setengah juta rakyat Malaysia tidak boleh diabaikan. KKM dan PSSC mesti faham bahawa dasar ini memberi kesan kepada banyak lapisan rakyat Malaysia. Mereka tidak boleh terus mendengar individu dan kumpulan anti-vape sahaja. GEG memberi impak kepada banyak lapisan masyarakat Malaysia, dan oleh itu, ia harus dikaji dan dibincangkan dengan semua pihak sebelum keputusan dibuat.”



Petisyen Malaysia Bersuara yang menolak GEG sepenuhnya, memetik empat sebab utama, iaitu:

- GEG akan menghasilkan generasi penjenayah.
- GEG mengambil hak individu untuk kesaksamaan dan kebebasan
- GEG menyemarakkan pasaran gelap
- GEG tidak membezakan vape dengan rokok

Mengenai Malaysian Vape Industry Advocacy (MVIA)

MVIA ialah kumpulan advokasi tidak berkeuntungan yang menyokong usahawan dan perniagaan vape Malaysia. Ia bertujuan untuk mewakili industri vape Malaysia dan menyediakan suara untuk industri dengan badan kerajaan, pembuat undang-undang, agensi penguatkuasaan dan pihak lain yang berminat.

Mengenai Dewan Perniagaan Vape Malaysia

Ditubuhkan pada 2015, Dewan Perniagaan Vape Malaysia (DPVM) adalah satu-satunya pertubuhan berkaitan vape yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan di bawah Kementerian Dalam Negeri Malaysia. Keutamaan kami adalah untuk membantu menjadikan industri vape di Malaysia lebih berdaya saing dan tersusun. Dengan bantuan ahli kami yang berdedikasi, kami telah menganjurkan kempen kesedaran, acara pembinaan komuniti, latihan mendalam dan sesi penglibatan dengan agensi kerajaan.

Bagi pihak: **Malaysian Vape Industry Advocacy** dan **Dewan Perniagaan Vape Malaysia**

Oleh: Acendus Communications Sdn Bhd

Untuk maklumat lanjut, hubungi Reshvinder Kaur at 017 275 7985